



Ruj : ANM(T) 81/20/8/9/6 Jld. ()
Tarikh : 30 Mei 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua-Ketua Jabatan

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17
GUNASAMA DI BAWAH AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2
TAHUN 2014: BAHAGIAN II – HAL EHWAL PERAKAUNAN DAN
KEWANGAN UNTUK TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Akauntan Gred W17 Bilangan 1 Tahun 2014, Bahagian II – Hal Ehwal Perakaunan dan Kewangan pada **15 Oktober 2014**. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua anggota perkhidmatan Pembantu Akauntan di bawah seliaan Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang layak mendudukinya termasuk anggota yang berkhidmat di agensi dan badan berkanun seliaan kementerian atau jabatan Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

3. Berikut adalah syarat-syarat permohonan dan cara memohon menduduki peperiksaan berkenaan:

i. Pegawai yang layak memohon

Pembantu Akauntan Gred W17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan.

ii. Cara Memohon

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan ini hendaklah dibuat secara *online* dengan melayari laman web JANM di www.anm.gov.my

ii. Cara Memohon

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan ini hendaklah dibuat secara *online* dengan melayari laman web JANM di www.anm.gov.my
- b. Pastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. **Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.**
- c. **Nombor kad pengenalan, kod peperiksaan dan kod pusat peperiksaan dan alamat surat menyurat** diisi dengan lengkap dan betul sebelum butang *submit* diklik.
- d. Permohonan melalui borang OMR tidak akan dilayan.

iii. Sukatan Peperiksaan

Sukatan peperiksaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kewangan adalah seperti di **Lampiran A**.

iv. Tarikh Tutup Permohonan

- a. Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Ogos 2014 (Jumaat) jam 05.00 petang**.
- b. Slip Akuan Terimaan permohonan hendaklah dicetak sebagai bukti permohonan telah dibuat.

4. **Slip arahan calon** yang mengandungi maklumat angka giliran, pusat peperiksaan, tarikh dan masa peperiksaan **boleh dicetak** melalui laman web jabatan **2 minggu sebelum peperiksaan** diadakan. Slip ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menghadiri peperiksaan berkenaan. **Sebarang permohonan perubahan pusat peperiksaan tidak akan dilayan.**

5. Bagi pegawai yang **diterima** untuk menduduki peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Akauntan Gred W17 tetapi **tidak menghadiri** peperiksaan tanpa mengemukakan **alasan bertulis yang munasabah**, Jabatan boleh mengenakan peraturan **tidak membenarkan** pegawai tersebut untuk menduduki peperiksaan bilangan berikutnya.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh diajukan kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-88821087/1197/1054/1035 atau melalui emel di alamat urus_pep@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi & Integriti Merialisasikan Perakauanan Akruan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ROSINI BINTI ABD SAMAD)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
 - iii. Fail Timbul

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
BAGI PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1. **Tarikh Sukatan Peperiksaan Diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam** : 15 Mei 1996

2. **Matlamat Sukatan** : Untuk menentukan bahawa Undang-undang dan Peraturan Mengenai Perakaunan dan Kewangan yang berkaitan difahami Dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian.

3. **Tujuan Peperiksaan** : Untuk pengesahan dalam perkhidmatan bagi Pembantu Akauntan Gred W17 yang dilantik terus.

4. **Pegawai Yang Layak Mengambil Peperiksaan ini** : Pembantu Akauntan Gred W17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan.

5. **Sukatan Peperiksaan (termasuk masa dan soalan)**
 - 5.1 **BAHAGIAN I – PERINTAH AM, ARAHAN PENTADBIRAN DAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM**
(SUBJEK UTAMA BAGI KUMPULAN SOKONGAN YANG SETARAF DENGAN KUMPULAN C)

Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Akauntan

5.1.1 Soalan yang akan ditanya kepada calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

A. Perintah Am Bab A

- I. Syarat-syarat am lantikan dan perkhidmatan
- III. Tempoh percubaan dan perlanjutannya
- V. Pengesahan dalam jawatan dan kemasukan dalam perjawatan berpencen
- VIII. Penamatan kerja dan notis berhenti kerja

B. Perintah Am Bab B

- I. Elaun-elaun kerana bertugas
- III. Kemudahan-kemudahan perjalanan
- V. Elaun-elaun kerana berkursus
- VI. Elaun-elaun pelbagai

C. Perintah Am Bab C

- II. Cuti yang diberi kerana perkhidmatan
- VI. Cuti tidak berekod

D. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

E. Perintah Am Bab F

- I. Rawatan perubatan untuk pegawai-pegawai
- IV. Bayaran dan peraturan wad

F. Perintah Am Bab G

- I. Waktu bekerja dan lebih masa

G. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007

H. Arahan Perbendaharaan

Bab B – Acara Pengakaunan

- i. Mengawal terimaan dan bayaran dan menyimpan Wang awam.
 - i. Am
 - ii. Terimaan
 - iii. Bayaran
- iii. Acara mengenai barang-barang dan kerja-kerja.
 - i. Am
 - ii. Pembelian, Tender dan Kontrak

I. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

- i. **PKPA Bilangan 2 Tahun 1991** – Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan
- ii. **PKPA Bilangan 4 Tahun 1991** – Garis Panduan Mengenai Strategi-strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam.
- iii. **PKPA Bilangan 7 Tahun 1991** – Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK).
- iv. **PKPA Bilangan 8 Tahun 1991** – Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja Dan Fail Meja.
- v. **PKPA Bilangan 1 Tahun 1992** – Panduan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Dalam Perkhidmatan Awam.
- vi. **PKPA Bilangan 1 Tahun 2006** – Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam
- vii. **PKPA Bilangan 1 Tahun 2008** – Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
- viii. Lain-lain Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

5.1.2 Calon adalah dibenarkan merujuk kepada **Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekelling Kemajuan Pentadbiran Awam Yang Berkenaan** semasa peperiksaan.

5.2 BAHAGIAN II – HAL EHWAL PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

5.2.1 Soalan yang akan ditanya kepada calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- A. Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972)
- B. Arahan Perbendaharaan
- C. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- D. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan berkaitan dengan Gaji dan Elaun.
- E. Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia terkini.
- F. Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (waktu bekerja dan lebih masa).
- G. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang berkaitan dengan Sistem Perakaunan Mikro.

5.2.2 Soalan-soalan akan disediakan seperti berikut:

- a. **SEKSYEN I**
 - Bentuk Soalan : Soalan Objektif
 - Masa : 45 Minit
 - Markah : 30
 - Bilangan Soalan : 30
- b. **SEKSYEN II**
 - Bentuk Soalan : Soalan Esei
 - Masa : 2 jam
 - Markah : 40
 - Bilangan Soalan : 8 jawab 4
- c. **SEKSYEN III**
 - Bentuk Soalan : Soalan Kajian Kes
 - Masa : 90 Minit
 - Markah : 30
 - Bilangan Soalan : 4 jawab 2

Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Akauntan _____

5.2.3 Calon-calon hanya **dibenarkan** merujuk kepada Akta, Arahan-arahan dan Pekeliling yang berkenaan sahaja semasa peperiksaan.

6. **Keputusan** : LULUS / GAGAL
-
7. **Pemeriksa Dilantik Oleh** : **Bahagian I –**
Panel Subjek,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia.
- Bahagian II –**
Panel Subjek,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
8. **Bahasa** : Bahasa Malaysia
(Soalan dan Jawapan)
9. **Permohonan Dikemukakan Kepada** : **Bahagian I –**
Urus Setia Peperiksaan
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
- Bahagian II –**
Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan
(Subjek Jabatan),
Bahagian Pembangunan Perakaunan
Dan Pengurusan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
Tel: 03-88821087

10. **Pusat Peperiksaan Akan Ditetapkan Oleh** : **Bahagian I –**
Urus Setia Peperiksaan
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

Bahagian II –

Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan),
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
Tel: 03-88821087

11. **Keseringan Peperiksaan** : 2 kali setahun

12. **BAHAN RUJUKAN**

12.1 BAHAGIAN I

- i. Perintah Am
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007
- iii. Arahan Perbendaharaan
- iv. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

12.2 BAHAGIAN II

- i. Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972)
- ii. Arahan Perbendaharaan
- iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan terkini, (yang berkaitan dengan kewangan)
- iv. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan berkaitan dengan Gaji dan Elaun
- v. Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia terkini
- vi. Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (waktu bekerja dan lebih masa)
- vii. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang berkaitan dengan Sistem Perakaunan Mikro